



**KOLEKSI UCAPAN
YANG BERBAHAGIA
DATO' Ar. YEW TUNG SEANG
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS**

**TAHUN
2023**

SENARAI UCAPAN

- Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 03 Tahun 2023 Pada 24 Mac 2023**
- Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 04 Tahun 2023 Pada 20 April 2023**

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS

BILANGAN 03 TAHUN 2023 PADA 24 MAC 2023

Saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan Al-Mubarak kepada semua umat Islam.

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS

BILANGAN TAHUN 04 2023 PADA 20 APRIL 2023

Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran A/L P. Anthony,
Setiausaha Bandaraya,
Majlis Bandaraya Pulau Pinang,

Ahli majlis-Ahli majlis,

Ketua-ketua Jabatan,

Rakan-rakan media,

Selamat pagi dan Salam MBPP.

Ini merupakan MBM terakhir yang dipengerusikan oleh saya sebagai Datuk Bandar sebelum bersara wajib pada bulan Mei yang akan datang. Sayugia saya berkongsi sedikit sebanyak konsepsi dan informasi di sini.

Saya menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, semua Ahli majlis, warga MBPP dan rakyat Pulau Pinang yang sentiasa memberi sokongan kepada saya sejak dilantik sebagai Datuk Bandar MBPP pada awal tahun 2018.

Saya percaya bahawa seluruh barisan pentadbiran ini mempunyai matlamat yang sama, iaitu menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya yang lebih cemerlang dan memiliki kekuatan untuk diangkat sebagai *role model* kepada rakan PBT-PBT yang lain, terutamanya melalui kerangka *Intelligent, Liveable and Happy City (ILHam)* MBPP, selaras dengan visi Penang2030.

Pelbagai inisiatif dan strategi untuk memperkasakan kualiti penyampaian perkhidmatan teras kami telah dititikberatkan dan slogan "Memimpin Sambil Berkhidmat" menjadi asas kepada kita.

Pada masa yang sama, kami juga memberi fokus kepada pelan-pelan transformasi yang menitikberatkan keterangkuman dan kemampunan. Sebagai seorang Arkitek juga, saya sentiasa berpegang kepada prinsip "*Less is More*". Kami menggariskan projek-projek berlandaskan kepada pendekatan "*Low Investment, High Impact*", memandangkan kita perlu berbelanja secara berhemah, *with our limited resources*.

Walau bagaimanapun, kita akur dan terima keadaan ini sebagai cabaran. Berpegang kepada falsafah "*no victim mentality but extreme ownership*", kita mengambil pendekatan cari penyelesaian dan bukannya alasan. Kita berjaya, melalui kerjasama erat dan komitmen penuh sepasukan, kita telah melaksanakan banyak projek "*turning the negative to positive*", dan membawa hasil yang mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Antara contoh projek adalah:

- i) *Back Lanes Transformation Project* sepanjang 9 kilometer pada masa ini.
- ii) Laluan basikal yang bermula dengan skala kecil di hadapan Queensbay Mall, dan kini telahpun menghasilkan rangkaian basikal sepanjang 205 kilometer dengan 43.5 kilometer adalah *dedicated bicycle lane*.
- iii) *Spiral Bridge* di Persiaran Bayan Indah yang dilengkapi dengan bumbung solar, bukan sahaja menghasilkan keistimewaan "*harvest the renewable energy*", malah dapat memberi teduhan kepada pejalan kaki dan penunggang basikal.
- iv) *Business Improvement District Scheme (BIDS)*
- v) MakerSpace@MBPP yang memberi peluang awal kepada murid-murid yang berumur 7 hingga 17 tahun khususnya di Daerah Barat Daya, Balik Pulau serta
- vi) Lain-lain inisiatif

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Masih segar dalam ingatan saya semasa ucapan di Upacara Pengakuan Penerimaan Jawatan Datuk Bandar pada 22 Januari 2018, saya telah menegaskan bahawa MBPP akan memantapkan "*Smart City Initiative*" melalui *our Blueprint* dengan memberi fokus kepada lima Domain utama iaitu:

- i) *Smart E-Governance*
- ii) *Smart Mobility*
- iii) *Smart Environment*

- iv) *Smart Economy*, dan
- v) *Smart Social*

Lima domain ini masih menjadi panduan kepada segala perancangan MBPP sehingga ke hari ini.

Mutakhir, MBPP telah melancarkan Pelan Transformasi Digital MBPP melalui pembangunan SmIDaT (*Smart Island Digital Twin*) dengan pendekatan "*Digitalization of Everything*".

Kita dalam proses menuju ke arah *autonomous decision-making*, yang merangkumi empat peringkat *Advanced Analytics* melalui *Artificial Intelligent (AI)*, iaitu:

- i) *Descriptive Analytics*
- ii) *Diagnostic Analytics*
- iii) *Predictive Analytics*, dan
- iv) *Prescriptive Analytics*

Melalui *Big Data*, *Internet of Things (IOT)* serta dipacu dengan *Artifical Intelligent (AI)*, pemantauan, analisa serta *solution* menyeluruh ke arah bandaraya yang lebih efisien, mampan dan lestari.

Dalam SmIDaT, MBPP telah menggariskan lima projek berimpak tinggi (*high impact projects*) yang menjadi "*key enablers for Smart City – Digital Transformation*".

SmIDaT MBPP melibatkan penambahbaikan infrastruktur, iaitu *Gigabit City (PiNet)* yang membina 'Digital Super Highway' dengan pemasangan *fiber optic* ke seluruh bahagian Pulau. Ini dapat memperkuatkan "*Digital Connectivity*" secara inklusif yang merupakan perkhidmatan utiliti ketiga dalam negara selain daripada air dan tenaga.

MBPP turut berkolaborasi rapat dengan Pusat Data Sektor Awam (PDSA) bagi fasiliti *Robust and Green Data Centre* yang tercanggih iaitu "*Tier-IV*" ("*Highest Uptime and Resiliency*"), di mana kita dapat menikmati fasiliti berprestasi tinggi di samping menjimatkan kos pembinaan dan penyelenggaraan *data centre* serta memanfaatkan teknologi hijau.

Virtual Island of Penang (VIP) merupakan "*Urban Digital Brain*" kepada MBPP yang disokong oleh *Big Data*, *IOT* dan *AI*. VIP membolehkan simulasi, analisis, "*Sand Boxing*" serta "*Machine Learning*" dilakukan ke atas kembar digital bandaraya di samping pemantauan pintar (*Urban Observatory*). Ini akan melonjakkan keupayaan keseluruhan perkhidmatan kita terutama dalam perancangan pembangunan, konservasi warisan, pengurusan trafik, pencegahan banjir dan tanah runtuh serta inisiatif *low carbon city*.

Sistem U-Lesen, yang mesra pengguna dengan ciri-ciri yang boleh digunakan pada bila-bila masa, di mana-mana, di dalam apa juga peranti (*anytime, anywhere and any devices*). Aplikasi mesra mobiliti ini berkolaborasi rapat dengan pemain industri, peniaga dan orang awam. Teknologi terkini yang dimanfaatkan di dalam sistem ini membolehkan masa pemprosesan dipendekkan dari 25 hari ke 0 hingga 7 hari. Di samping itu, ia juga dilengkapi dengan fungsi yang canggih seperti *eKYC (Know Your Customer)* yang boleh mengekang "*identity-fraud*", "*Digital Signature*", "*Encrypted QR*" dan "*Geocoding*". Sistem ini juga membolehkan segala urusan berkaitan lesen and permit dijalankan sepenuhnya secara terus dan telus tanpa hubungan fizikal (*zero face-to-face*).

Aplikasi *Pearl-One Touch Penang* merupakan "*Single Window*" kepada semua perkhidmatan MBPP termasuk agensi kerajaan yang berkaitan serta dilengkapi dengan "*e-Wallet*" dan *Market Place*. Aplikasi pintar mudah alih memudahkan serta memusatkan penyampaian perkhidmatan kepada semua golongan rakyat di samping menjana ekonomi setempat dan menggalakkan transaksi tanpa tunai.

Selaras dengan visi *Penang2030 moving forward to a green and smart state that inspires the nation*, MBPP sering dijadikan penanda aras (*benchmark*) dan rujukan kepada PBT-PBT yang lain.

Sejak tahun 2018, MBPP telah diberi mandat untuk menerajui PBT-PBT di seluruh Malaysia dalam Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).

MALA adalah satu platform yang terbesar untuk menyatukan PBT-PBT di seluruh Malaysia untuk menjalankan program dan projek yang berimpak. Antara kejayaan yang dapat kita capai adalah:

- i) Sokongan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2018 dengan pengajuran *Asia Pacific Masters Game (APMG)* yang bertaraf dunia. Acara Larian Obor dilihat sebagai satu kejayaan sebagai kempen promosi dan awareness. Dengan bantuan dan sokongan ahli-ahli MALA, acara Larian Obor ini telah mencatatkan larian selama 99 hari dengan jarak sejauh 3,908 km.

Usaha ini telah membawa hasil yang mengujakan apabila APMG berjaya menarik penyertaan lebih dari 5,000 peserta dari 64 negara.

- ii) Pada tahun 2019, pengajuran *Asia Pacific Urban Forum ke-7 (APUF-7)* yang turut dapat menarik penyertaan seramai lebih daripada 5,000 peserta dari seluruh dunia untuk membincangkan isu-isu perbandaran.
- iii) Pada tahun 2020 dan 2022, *World Congress on Innovation and Technology & TechFest* merupakan *Olympics of the Global Information, Communications and Technology Industry* telah berjaya menarik penyertaan seramai 4,000 orang daripada lebih dari 60 negara.
- iv) Pada tahun 2020, semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, PBT-PBT melalui platform yang sama telah berganding bahu mengambil pendekatan *adopt and adapt*, dan mencari penyelesaian untuk meneruskan perkhidmatan kepada komuniti.
- v) Begitu juga dengan kerjasama dalam bantuan bencana semasa Covid-19 dan banjir kilat.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya akan menyerah jawatan presiden MALA kepada bakal Datuk Bandar selepas persaraan saya dan berharap Dato' Ir. Rajendran dapat terus mengetuai semua PBT melalui platform MALA semasa AGM pada bulan Jun yang melibatkan pemilihan Presiden dan barisan kepimpinan MALA.

Untuk makluman, sejak MALA ditubuhkan pada tahun 2000, Presiden MALA sememangnya disandang oleh YDP dan Datuk Bandar dari Negeri Pulau Pinang.

Pada 6 Februari 2023, YB Menteri KP KT telah meminta saya, selaku Presiden MALA dan Datuk Bandar MBPP untuk mengemukakan "wishlist" kepada beliau. Saya telahpun mengemukakan kepada YB Menteri pada keesokan hari.

Dalam surat rasmi, saya telah memberi fokus kepada projek-projek ataupun inisiatif-inisiatif yang bercirikan *combating climate crises through low carbon city initiatives*.

"Wishlist" saya yang berprinsipkan "*sustainable, liveable and resilient*" dan saya berharap agar projek yang berimpak tinggi ini dapat disambungkan demi kesejahteraan rakyat. Antaranya:

- i) Nature-Based Climate Adaptation Solutions – "*low hanging fruit*" yang berteraskan kepada penanaman pokok yang betul di tempat yang sesuai (*planting the right trees at the right places*).
- ii) Kawalan dan Tebatan Banjir – Sistem perparitan dan bahan binaan yang digunakan untuk menangani masalah *surface run-off* di kawasan mudah banjir. Pengiraan hidraulik (*Hydraulic calculation*) bagi pembangunan baru perlu diberi perhatian dan sistem perparitan perlu dilihat secara holistik dari "*upstream*" ke "*final discharge point*".
- iii) Penggunaan *Renewable Energy* seperti solar memandangkan negara kita adalah negara tropika yang mempunyai banyak sinaran matahari.
- iv) Meneruskan kayu pengukur bangunan hijau berdasarkan pencapaian (*outcome and performance-based green buildings*) seperti GBI dan BEI.
- v) *EV Ready City* untuk mengurangkan isu pelepasan CO₂. MBPP secara prinsip, telah bekerjasama dengan DBKL dan MBJB untuk mewujudkan *roadmap* bagi penyediaan infrastruktur EV di bandar masing-masing, serta mengadakan perbincangan untuk menghadkan kenderaan EV sahaja yang dibenarkan masuk ke kawasan-kawasan tertentu seperti kawasan CBD.

- vi) *Smart City Initiative through Digital Transformation* – projek jangka panjang ini harus diteruskan sehingga semua projek di bawah SmIDaT disiapkan (2021-2025).
- vii) Pengurusan sisa pepejal secara bertanggungjawab – menangani isu pembuangan sampah dari sumber (*tackling from the source of the waste generators*).
- viii) First & last mile green mobility – projek-projek untuk membentuk *Cycling Friendly City* perlu diteruskan seperti laluan basikal, sistem perkongsian basikal *LinkBike*, *Foldie on Rapid*, polisi e-skuter dan penyediaan infrastruktur bagi pejalan kaki dan penunggang basikal harus diteruskan.
- ix) Water taxi & City Shuttle – MBPP telah mendapat kelulusan secara bersyarat daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk pelaksanaan projek water taxi dan City Shuttle. Water taxi akan menjadi mod pengangkutan alternatif di Pulau Pinang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan City Shuttle dapat melengkapkan connectivity perkhidmatan water taxi untuk mencapai ke kawasan CBD dan persekitaran.
- x) Carrying capacity – pengurusan trafik melalui pelaksanaan *Traffic Impact Assessment (TIA)* yang lebih profesional dan accountable.
- xi) Aging Society Policy yang berteraskan kepada keperluan kemudahan warga emas.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

Memang kita mempunyai cabaran tetapi kita mempunyai matlamat yang sama sebagai satu pasukan. *Of course, we are trying to get a consensus but sometime we may face certain argument. So, for those who are working together, thank you so much. For those who maybe having different ideas and tolerating with me for so long, I still have to say thank you.*

Saya berharap pimpinan baru MBPP serta semua warga MBPP dapat bekerjasama untuk meneruskan pelan transformasi yang digariskan untuk memberi manfaat kepada orang awam.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin menyatakan bahawa segala yang baik adalah dari Tuhan, yang lemah adalah dari diri saya. Saya juga menyusun sepuluh jari memohon kemaafan atas segala kekhilafan, kesilapan, kelemahan, kekurangan dan terkasar bahasa sepanjang tempoh saya berkhidmat di MBPP.

Saya akhiri ucapan dengan serangkap pantun:

*Kian Menjelang Detik Berpisah,
Jemariku Susun Maaf Dipinta,
Teruslah Cemerlang Tiada Bemoktah,
Doaku Himpun Demi MBPP Tercinta.*

Sekian, terima kasih.



**KOLEKSI UCAPAN
YANG BERBAHAGIA
DATO' Ir. RAJENDRAN A/L P. ANTHONY
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
DI MESYUARAT BIASA MAJLIS**

**TAHUN
2023**

SENARAI UCAPAN

- **Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran a/l P.Anthony Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 05 Tahun 2023 Pada 25 Mei 2023**
- **Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran a/l P.Anthony Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 07 Tahun 2023 Pada 28 Julai 2023**
- **Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran a/l P.Anthony Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 08 Tahun 2023 Pada 30 Ogos 2023**
- **Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran a/l P.Anthony Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 09 Tahun 2023 Pada 22 September 2023**
- **Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran a/l P.Anthony Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 10 Tahun 2023 Pada 2 Oktober 2023**
- **Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran a/l P.Anthony Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 11 Tahun 2023 Pada 6 Oktober 2023**
- **Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran a/l P.Anthony Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 12 Tahun 2023 Pada 26 Oktober 2023**
- **Ucapan Oleh Yang Berbahagia Dato' Ir. Rajendran a/l P.Anthony Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang Di Mesyuarat Biasa Majlis Bilangan 15 Tahun 2023 Pada 21 Disember 2023**

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS

BILANGAN 05 TAHUN 2023 PADA 25 MEI 2023

Semasa ucapan sulung saya sebagai Datuk Bandar pada 9 Mei 2023, saya telah menyatakan perancangan, langkah-langkah dan tindakan-tindakan secara am yang perlu diambil oleh Majlis selaras dengan Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang lebih progresif, berdaya tahan dan bahagia.

Sehubungan ini, saya telah meminta agar semua jabatan dan unit di Majlis mengkaji semula dan menggariskan rancangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang disyorkan oleh jabatan yang akan dibentang kepada setiap Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Tetap Majlis.

Seterusnya, kita akan membincangkan mengenai cara-cara untuk mencapai rancangan-rancangan dan pelan-pelan tindakan kita serta menetapkan keutamaan pelaksanaan setiap program dan projek yang terlibat di mesyuarat pentadbiran yang dianggotai oleh semua Ahli majlis dan Ketua Jabatan.

Pendapat dan ulasan penduduk, pemegang taruh, agensi-agensi dan persatuan-persatuan juga perlu diperolehi sepanjang proses ini atau sebelum sebarang program atau projek dilaksanakan.

Di samping menetapkan hala tuju kita berdasarkan keperluan dan kehendak semasa, kita perlu memberi pertimbangan kepada kemampuan alam sekitar dan kesejahteraan generasi masa hadapan.

Semua ini akan diterjemahkan dalam bajet yang akan kita sediakan untuk tahun 2024 mengikut keupayaan kewangan kita. Saya mohon kerjasama semua pihak dalam hal ini.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS

BILANGAN 07 TAHUN 2023 PADA 28 JULAI 2023

Pilihan Raya di enam (6) negeri termasuk Negeri Pulau Pinang menjelang tiba pada 12 Ogos 2023. Seiring dengan persediaan jentera Majlis untuk menghadapi pilihan raya ini, kita merasa bangga bahawa dua (2) orang Ahli majlis MBPP telah diberi kepercayaan untuk bertanding di persada negeri yang dicintai ini.

Tidak lain dan tidak bukan, seperti yang telah diumumkan baru-baru ini, dua (2) orang Ahli majlis tersebut adalah Cik Connie Tan Hooi Peng dan Encik Wong Yuee Harng. Mereka telah mengemukakan surat perletakan jawatan sebagai Ahli majlis kepada saya dengan tangan pada 26 Julai 2023.

Cik Connie Tan merupakan Ahli majlis termuda dalam sejarah tanah air Malaysia semasa beliau dilantik pada tahun 2014. Beliau telah berkhidmat sebagai Ahli majlis selama 8 tahun di mana 2 tahun pelepasan telah diambil pada 2016 dan 2017 untuk menyambung pelajaran beliau ke peringkat Sarjana. Beliau adalah seorang yang berdedikasi tinggi, berakhhlak mulia dan disegani semua.

Manakala Encik Wong Yuee Harng juga telah berkhidmat sebagai Ahli majlis selama 8 tahun secara berterusan sejak 2016. Walaupun bersaiz kecil, perwatakan dan keterampilan beliau menjadikan beliau seorang yang dipandang tinggi. Beliau cukup bertenaga dan bersedia membantu apabila diperlukan. Saya juga mendapati bahawa mesyuarat-mesyuarat kita ceria apabila beliau hadir.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Cik Connie Tan Hooi Peng dan Encik Wong Yuee Harng atas jasa dan bakti mulia mereka yang tidak terhingga, disanjungi dan akan sentiasa diingati.

Kita doakan agar Cik Connie Tan Hooi Peng dan Encik Wong Yuee Harng diberikan ketabahan, kesabaran dan kekuatan di detik penting kehidupan mereka ini.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS

BILANGAN 08 TAHUN 2023 PADA 30 OGOS 2023

Bersempena dengan sambutan Ulang Tahun Ke-50 hubungan bandar berkembar George Town - Adelaide pada 8 Disember 2023, saya telah menerima kunjungan hormat dari *Her Excellency the Honourable Frances Adamson AC, Governor of South Australia* pada 28 Ogos 2023.

Dalam kunjungan hormat ini, beberapa perbincangan mengenai kerjasama dua bandar telah diadakan di antara MBPP dengan *City of Adelaide*. Semasa kunjungan hormat ini juga, Madam Governor telah sudi berkongsi isu dan pembangunan Bandar Adelaide kepada Ahli majlis dan juga pegawai-pegawai kanan Majlis.

Pihak South Australia juga akan menganjurkan *Adelaide Food Fair* di *Queensbay Mall* pada 1 hingga 30 September 2023 bersempena dengan perayaan 50 tahun hubungan bandar berkembar ini. Saya dengan ini mengalu-alukan penganjuran ini sebagai usaha mengeratkan hubungan antara dua bandar.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS
BILANGAN 09 TAHUN 2023 PADA 22 SEPTEMBER 2023

Majlis Bandaraya Pulau Pinang seiring dengan pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia giat melancarkan program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) dan terdapat 5 langkah dalam TEKAD ini iaitu:

1. Kepimpinan dan komitmen pengurusan atasan
2. Mewujudkan polisi anti dadah di tempat kerja
3. Latihan untuk penyelia
4. Program pendidikan dan kesedaran kepada pekerja
5. Program tanggungjawab sosial korporat

Program TEKAD ini adalah satu misi MBPP untuk mewujudkan persekitaran kerja yang berintegriti dan sebagai usaha memastikan tiada penyalahgunaan dadah dalam warga kerja MBPP. Pada 20 September 2023, pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah mengiktiraf MBPP sebagai PBT pertama yang mematuhi pelaksanaan TEKAD dan satu sijil pencapaian pelaksanaan program TEKAD telah dikeluarkan oleh AADK kepada MBPP.

Sekian.

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS

BILANGAN 10 TAHUN 2023 PADA 2 OKTOBER 2023

Saya ucapkan tahniah sekali lagi kepada semua Ahli majlis yang telah mengangkat sumpah pada pagi tadi. Seperti yang saya nyatakan, memang banyak cabaran. Jika tuan-tuan dan puan-puan memikirkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan mempunyai masa untuk berehat, fikir dua kali kerana mesyuarat yang perlu dihadiri memang banyak. Tujuh belas kali kita bayar untuk hadir mesyuarat tapi bilangannya mungkin mencecah tiga puluh atau lebih. Ditambah pula dengan lawatan tapak dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil, banyak mesyuarat yang perlu dihadiri untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan juga *keep abreast with the development in MBPP*.

Ahli majlis-Ahli majlis yang lama memang telah berpengalaman dan mengetahui kaedah-kaedah perundangan dan juga garispanduan-garispanduan dan penetapan Majlis. Bagi Ahli majlis-Ahli majlis baharu, kita akan adakan satu '*retreat*'. Namun, kita tidak dapat mengadakannya pada tahun ini kerana kita telahpun mengadakan '*retreat*' di Sabah. Majlis akan mengaturkan satu '*retreat*' pada awal tahun hadapan untuk Ahli majlis-Ahli majlis yang baharu. Tetapi jangan risau, Ahli majlis-Ahli majlis lama dan pegawai-pegawai Majlis akan memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sekiranya perlu kepada tuan-tuan dan puan-puan. Semua Ketua Jabatan perlu memberikan pengenalan dan penerangan mengenai jabatan masing-masing apabila bermesyuarat nanti. Juga penting ialah undang-undang yang kita perlu luhurkan untuk pastikan kita dapat menyediakan perkhidmatan yang adil kepada semua.

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS

BILANGAN 11 TAHUN 2023 PADA 6 OKTOBER 2023

Saya ingin mengalu-alukan pelantikan Datuk Haji Abdul Razak bin Abdul Rahman sebagai Ahli majlis pada hari ini. Saya mengenali beliau lebih daripada 20 tahun. Saya tiada biodata Datuk Haji Abdul Razak bin Abdul Rahman tetapi beliau merupakan Ketua UMNO Bahagian Jelutong yang memang telah lama aktif berpolitik. Saya berharap kita akan bekerjasama antara satu sama lain sebagai satu keluarga. Saya rasa tiada masalah atau isu yang kita tidak boleh selesaikan jika kita bekerja sebagai satu keluarga dan kita dapat bertolak ansur di antara satu sama lain. Jadi biarlah kita berbincang sebelum membuat keputusan. Saya berharap semua mesyuarat dapat berjalan dengan lancar.

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS

BILANGAN 12 TAHUN 2023 PADA 26 OKTOBER 2023

Saya ingin memaklumkan mengenai satu anugerah yang kita telah terima iaitu '*The Best Environmentally Friendly Cities In The Islamic World*'.

Secara ringkasnya saya ingin menyatakan bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan kerana telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa pada 19 Oktober 2023 di Jeddah, Arab Saudi.

Di "*9th Conference of Environment Ministers in the Islamic World*" yang dianjurkan oleh "*Islamic World Educational, Scientific and Cultural Organization*" (ICESCO) yang dihoskan oleh Kerajaan Arab Saudi, yang diwakili oleh "*Ministry of Environment, Water and Agriculture*", telah menyaksikan MBPP dianugerahkan di bawah "*The Third Session of The Kingdom of Saudi Arabia Award For Environmental Management In The Islamic World*" (KSAAEM), yang dianjurkan oleh Penjaga Dua Masjid Suci, Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud.

Dalam majlis anugerah ini, 22 pemenang dari 18 negara telah menerima anugerah daripada *The Kingdom of Saudi Arabia*.

Pulau Pinang (bahagian Pulau) di Malaysia, Kota Yanbu di Arab Saudi dan *Greater Amman Municipality* di Jordan telah dinobatkan sebagai tiga (3) kota/bandaraya terbaik di negara-negara Islam yang memenangi Anugerah KSAAEM dalam kategori '*The Best Environmentally Friendly Cities In The Islamic World*'.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang bersama Think City Sdn. Bhd. telah hadir menerima anugerah berprestij ini yang disampaikan oleh Dr. Salim M. AlMalik, *ICESCO Director-General, Secretary-General of the Award*; dan Eng. Abdulrahman Al-Fadhli, Menteri Alam Sekitar, Air dan Pertanian Kerajaan Arab Saudi.

Anugerah ini perlu diambil sebagai satu pengiktirafan dan iktibar untuk menambahbaik dan meningkatkan lagi perkhidmatan Majlis kepada rakyat Pulau Pinang. Kita akan menayangkan satu video mengenai penerimaan anugerah ini.

Saya menjemput Puan Lee Tit Kun, Pengarah Konservasi Warisan untuk menunjukkan anugerah ini kepada Ahli majlis sekalian. Beliau juga ialah pegawai yang menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan anugerah ini.

UCAPAN DATUK BANDAR DI MESYUARAT BIASA MAJLIS
BILANGAN 15 TAHUN 2023 PADA 21 DISEMBER 2023

Yang Dihormati Ahli majlis-Ahli majlis,

Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya,

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai MBPP,

Rakan-rakan Media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Penang2030.

1. Saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran kerana hasil daya usaha warga MBPP bersama Ahli majlis-Ahli majlis, kita telah berupaya memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada penduduk Pulau Pinang sepanjang tahun 2023.
2. Kini kita berada di Mesyuarat Biasa Majlis yang terakhir bagi tahun 2023. Tahun ini Pulau Pinang dan 5 negeri lain di Malaysia telah melalui Pilihan Raya Negeri pada 12 Ogos 2023.
3. Pilihan Raya Negeri Ke-15 ini telah melahirkan pemimpin-pemimpin baru di mana Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah mendapat 13 Ahli majlis baru di samping 11 Ahli majlis sedia ada.
4. Saya bertuah kerana mendapat barisan Ahli majlis yang memberi kerjasama penuh kepada saya. Kita sentiasa bertukar pendapat dan mengambil kira pandangan setiap Ahli bersama perakuan-perakuan Ketua Jabatan sebelum membuat sesuatu keputusan. Walaupun kita pasti mempunyai pendapat dan pendirian yang berbeza ke atas isu-isu dan masalah tertentu, namun kita dapat berbincang dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik demi kepentingan penduduk.

5. Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ingin berikan kepada YB H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas Kerajaan Tempatan yang banyak berpengalaman dan memberi sokongan padu serta panduan selari dengan visi, misi dan strategi Negeri Pulau Pinang.
6. Kita juga tidak akan melupakan Ahli majlis-Ahli majlis yang tidak bersambung lagi di samping mereka yang telah dinaikkan ke tahap yang lebih tinggi. Kita mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka. Dalam ingatan kita juga adalah pemimpin yang menerajui kita selama tempoh lebih sedekad iaitu YB Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh yang masih ingin mengambil tahu dan bertanyakan mengenai kedudukan dan kemajuan MBPP. Sekalung penghargaan kepada beliau.
7. Sejak beberapa lama, kita telah mengambil usaha menangani 2 masalah utama yang kita hadapi iaitu kebersihan dan kesesakan lalulintas. Masalah pengutipan sampah dan pembersihan telah dapat dikawal dan ditambahbaik, akan tetapi banyak lagi usaha diperlukan untuk mencapai tahap yang memuaskan hati semua pihak. Pendekatan 'serampang 3 mata' juga telah diambil dalam menambahbaik aliran lalulintas serta melegakan kesesakan lalulintas melalui pembinaan infrastruktur, pengurusan lalulintas dan penguatkuasaan. Selain daripada ini, perhatian juga telah diberikan kepada inisiatif hijau dan pengurangan karbon, transformasi digital, penuaan masyarakat dan penyediaan kemudahan masyarakat termasuk kemudahan riadah. Sehubungan ini, laporan awal akan dikeluarkan oleh MBPP pada suku pertama tahun 2024 mengenai perancangan, pelaksanaan, halatuju dan sasaran yang telah dikenalpasti untuk setiap inisiatif dan program yang telah dinyatakan dan lain-lain lagi.
8. Sesi-sesi keterlibatan awam dan pemeriksaan penduduk adalah penting bagi kita dan diterapkan dalam setiap proses dan inisiatif yang dilaksanakan oleh MBPP. Kita juga percaya pelaksanaan projek dan program secara telus dan inklusif akan lebih memanfaatkan rakyat dan memastikan kejayaannya.
9. Sehubungan ini, MBPP ingin memohon kepada orang ramai untuk membuat penilaian dan memberi maklumbalas terhadap segala aspek perkhidmatan MBPP kepada masyarakat. Untuk tujuan ini, MBPP sedang menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan yang boleh diakses dengan mengimbas kod QR atau di pautan laman web dan Facebook MBPP yang dipaparkan di skrin.

[Link Kajian Kepuasan Pelanggan](#)

<https://forms.gle/5R9iT XKfBtNgMiZr5>

<https://www.facebook.com/share/p/MEYARxozPTMXw775/?mibextid=xfxF2i>

Saya mengharapkan semua pihak terutamanya rakyat Pulau Pinang akan mengambil bahagian dan menyertai kajian ini.

Sekian, saya ucapkan Selamat Hari Natal kepada masyarakat beragama Kristian, Selamat Ber cuti dan Selamat Tahun Baru.

Terima kasih.

Sekian
Terima kasih